



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 17 TAHUN 2020

Pejabat Pendaftar
Tarikh: 25 September 2020

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Ketua-Ketua PTj

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 3 (47)

25 September 2020

**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 17 TAHUN 2020
POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI DAN NOTIS POLISI PRIVASI**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengenai pelaksanaan Polisi Perlindungan Data Peribadi dan Notis Polisi Privasi di UNIMAS.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2020 Ke-94 bertarikh 10 Ogos 2020 telah meluluskan pemakaian Polisi Perlindungan Data Peribadi dan Notis Polisi Privasi di UNIMAS. Polisi dan notis polisi ini digubal selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) dan merupakan panduan untuk UNIMAS mentadbir, mengurus dan menggunakan data peribadi untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai pengguna data dan untuk mencegah atau menghalang sebarang penyalahgunaan data peribadi yang berada dalam milikan UNIMAS.

Polisi dan notis polisi tersebut boleh dirujuk seperti di **Lampiran 1 (Polisi Perlindungan Data Peribadi)** dan **Lampiran 2 (Notis Polisi Privasi)**.

Pekeliling Pentadbiran ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2020**.

Sekian, terima kasih.

NURTURING FUTURE GRADUATES

Yang benar,

Haji Aylan bin Ramli

Pendaftar

Universiti Malaysia Sarawak



POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1. PENGENALAN DAN TUJUAN

Polisi Perlindungan Data Peribadi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) adalah satu polisi yang akan mengawal selia pemprosesan data peribadi seseorang individu dan menjaga dengan selamat kepentingan data peribadi itu serta melindunginya, terutama bagi tujuan transaksi komersial. Polisi ini akan menjadi garis panduan untuk UNIMAS dalam mentadbir, mengurus dan menggunakan data peribadi untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai pengguna data dan untuk mencegah atau menghalang sebarang penyalahgunaan data peribadi yang berada dalam milikan UNIMAS.

Polisi ini menggariskan pematuhan Prinsip Perlindungan Data Peribadi dalam pemprosesan data peribadi oleh UNIMAS atau mana-mana orang dibawahnya sebagai pengguna data atau mana-mana orang merangkumi perkara-perkara seperti berikut –

- (a) Prinsip Am;
- (b) Prinsip Notis dan Pilihan;
- (c) Prinsip Penzahiran;
- (d) Prinsip Keselamatan;
- (e) Prinsip Penyimpanan;
- (f) Prinsip Integriti Data; dan
- (g) Prinsip Akses,

2. LATAR BELAKANG

UNIMAS serius untuk melindungi data peribadi setiap warga UNIMAS dan pihak lain yang berurusan dengannya berdasarkan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) serta lain-lain peraturan yang berkaitan. Walau Akta 709 ini adalah tidak terpakai ke atas UNIMAS, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia menyarankan supaya setiap organisasi menyediakan satu dasar dalam memastikan semua data peribadi adalah dilindungi.

- 2.2 Akta 709 telah diluluskan di Parlimen pada 5 April 2010 dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 2010. Akta ini dikuatkuasakan sepenuhnya pada 15 November 2013 melalui pewartaan oleh Jabatan Peguam Negara.
- 2.3 Peruntukan di bawah Seksyen 3 Akta berkenaan, menjelaskan ketidakpakaian Akta ini ke atas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, namun disarankan tersebut agar UNIMAS menjadikan prinsip di dalam Akta tersebut sebagai amalan baik dalam organisasi.

3. TAKRIFAN

Dalam Polisi Perlindungan Data Peribadi UNIMAS ini, jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“Data Peribadi”	Merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada subjek data yang dikenalpasti atau boleh dikenalpasti dari maklumat tersebut. Mengikut Seksyen 4 pada tafsiran di bawah Akta 709, data peribadi merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yang — (a) sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu; (b) direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan itu; atau (c) direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan, yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
“Data Peribadi Sensitif”	Merujuk kepada apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta;
“Ketua PTj”	Merujuk kepada Ketua Pusat Tanggungjawab di UNIMAS;
“Menggunakan”	Merujuk kepada perkara yang berhubung dengan data peribadi, tidak termasuk perbuatan mengumpul atau menzahirkan data peribadi itu;
“Mengumpul”	Merujuk kepada perkara yang berhubung dengan data peribadi, ertiya perbuatan yang melaluinya data peribadi itu termasuk ke dalam atau berada di bawah kawalan seorang pengguna data;
“Menzahirkan”	Merujuk kepada perkara berhubung dengan data peribadi, ertiya perbuatan yang melaluinya data peribadi itu disediakan oleh seorang pengguna data;
“Pengguna Data”	Merujuk kepada seseorang yang sama ada berseorangan atau bersesama atau bersama dengan orang lain memproses apa-apa data peribadi atau

	mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi, tetapi tidak termasuk seorang pemproses data;
“Pemohon Data”	Merujuk kepada mana-mana subjek data yang kepadanya data peribadi itu berkaitan atau mana-mana pengguna data yang lain;
“Pemproses Data”	Merujuk kepada perkara berhubung dengan data peribadi, erti mana-mana orang, selain seorang pekerja pengguna data, yang memproses data peribadi itu semata-mata bagi pihak pengguna data itu, dan tidak memproses data peribadi itu bagi apa-apa maksud persendirianya;
“Pemprosesan”	Merujuk kepada perkara berhubung dengan data peribadi, erti mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi itu atau menjalankan apa-apa pengendalian atau set pengendalian terhadap data peribadi itu, termasuk – <ul style="list-style-type: none"> (a) penyusunan, penyesuaian atau pengubahan data peribadi; (b) mendapatkan kembali, merujuk kepada atau menggunakan data peribadi; (c) penzahiran data peribadi melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran atau selainnya menjadikannya tersedia; atau (d) penjajaran, penggabungan, pembetulan, pemadaman atau pemusnahan data peribadi;
“PTj”	Merujuk kepada Pusat Tanggungjawab seperti Fakulti, Institut, Pusat atau Bahagian (F/I/P/B);
“Pelajar”	Merujuk kepada seseorang pelajar berdaftar yang mengikuti kursus pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa di UNIMAS;
“Transaksi Komersial”	Merujuk kepada apa-apa transaksi bersifat komersial, sama ada secara kontrak atau tidak, yang termasuk apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan atau pertukaran barang atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans, tetapi tidak termasuk sesuatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
“Subjek Data”	Merujuk kepada individu yang menjadi subjek kepada data peribadi, seperti pelajar semasa, alumni, prospektif atau mobiliti UNIMAS, kakitangan, pelawat, pemohon, penderma dan kontraktor/pembekal kepada perkhidmatan di UNIMAS;
“Staf”	Merujuk kepada mana-mana perkerja yang berkhidmat untuk UNIMAS; dan
“Universiti”	Merujuk kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

4. MAKLUMAT AM

- 4.1 Kebenaran daripada subjek data akan diperoleh oleh pengguna data sebelum memproses apa-apa data peribadi atau data peribadi sensitif; melainkan jika perlu bagi:
- (a) melaksanakan kontrak yang mana subjek data adalah satu pihak (termasuk tetapi tidak terhad kepada kontrak untuk penyediaan perkhidmatan dan permohonan pekerjaan);
 - (b) mengambil langkah-langkah bagi memenuhi keperluan kontrak atas permintaan subjek data, termasuk tetapi tidak terhad kepada kontrak pekerjaan;
 - (c) mematuhi sebarang kewajipan undang-undang yang mana UNIMAS adalah subjek, selain daripada kewajipan yang dikenakan oleh suatu kontrak;
 - (d) melindungi kepentingan subjek data;
 - (e) menegakkan keadilan; atau
 - (f) menjalankan fungsi yang merujuk kepada mana-mana pihak oleh atau di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.
- 4.2 UNIMAS memproses data peribadi hanya jika:
- (a) data peribadi tersebut diproses bagi tujuan sah yang menyokong fungsi operasi UNIMAS;
 - (b) data peribadi tersebut diproses untuk tujuan seperti yang dimaksudkan; atau
 - (c) data peribadi dihadkan hanya untuk tujuan yang berkaitan sahaja.
- 4.3 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dalam Perkara 4.2, data peribadi sensitif mengenai subjek data boleh diproses dalam situasi berikut:
- (a) kebenaran yang jelas telah diterima daripada subjek data.
 - (b) pemprosesan data diperlukan untuk:
 - i. melaksanakan apa-apa hak atau kewajipan yang diberi atau dikenakan oleh undang-undang ke atas penjawat awam;
 - ii. melindungi kepentingan subjek data atau pihak lain, dalam kes di mana:
 - persetujuan tidak dapat diperoleh daripada subjek data atau pihak baginya; atau
 - UNIMAS secara munasabah tidak mampu mendapatkan kebenaran subjek data.
 - iii. melindungi kepentingan pihak lain, di mana kebenaran oleh atau bagi pihak subjek data tidak dapat diperoleh secara munasabah; tujuan perubatan dan dilaksanakan oleh:
 - seorang profesional penjagaan kesihatan; atau
 - seseorang di mana bidang tugasnya adalah menjaga kerahsiaan;
 - iv. tujuan atau berkaitan dengan mana-mana prosiding undang-undang;
 - v. tujuan mendapatkan nasihat undang-undang;
 - vi. tujuan menyedia, melaksana atau mempertahankan hak undang-undang;
 - vii. menegakkan keadilan;
 - viii. menjalankan fungsi yang merujuk kepada mana-mana pihak oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
 - ix. apa-apa maksud lain sebagaimana ketetapan oleh Menteri yang bertanggungjawab dalam perlindungan data peribadi.
 - (c) Maklumat data peribadi telah dizahirkan kepada umum oleh subjek data secara sengaja.

5. NOTIS POLISI PRIVASI DAN PILIHAN

- 5.1 UNIMAS akan memaklumkan dan menyampaikan melalui suatu notis bertulis iaitu Notis Polisi Privasi UNIMAS kepada subjek data mengenai –
- (a) data peribadi subjek data itu sedang diproses dan memberitahu berkenaan perihalan data peribadi itu kepada subjek data;
 - (b) data peribadi itu sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya;
 - (c) apa-apa maklumat yang ada pada UNIMAS tentang sumber data peribadi itu;
 - (d) subjek data mempunyai hak untuk meminta akses kepada UNIMAS, membuat pembetulan terhadap data peribadi dan bagaimana kaedah subjek data boleh menghubungi UNIMAS tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi itu;
 - (e) golongan pihak ketiga yang kepadanya pengguna data menzahirkan atau boleh menzahirkan data peribadi itu;
 - (f) pilihan dan cara yang ditawarkan kepada subjek data bagi mengehadkan pemprosesan data peribadi, termasuklah data peribadi yang berhubungan dengan orang lain yang boleh dikenal pasti daripada data peribadi itu;
 - (g) sama ada wajib atau sukarela bagi subjek data untuk memberikan data peribadi itu; dan
 - (h) menjelaskan kesan kepada subjek data yang enggan memberikan data peribadi yang wajib untuk diberikan kepada UNIMAS
- 5.2 Notis sebagaimana dinyatakan pada Perkara 5.1 di atas, akan dimaklumkan dan disampaikan dengan secepat yang dapat dilaksanakan oleh UNIMAS kepada subjek data sebaik sahaja:
- (a) UNIMAS pertama kalinya memohon subjek data untuk memberikan data peribadinya;
 - (b) UNIMAS pertama kali mengumpul data peribadi subjek data itu;
 - (c) dalam mana-mana hal lain, sebelum UNIMAS –
 - i. menggunakan data peribadi itu bagi maksud selain dari tujuan data peribadi tersebut dikumpul; atau
 - ii. menzahirkan data peribadi tersebut kepada pihak ketiga.
- 5.3 Notis itu dibuat dalam dwibahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris yang mudah difahami, menerangkan dengan jelas kaedah dan mudah akses bagi subjek data untuk membuat pilihannya.

6. PENZAHIRAN

- 6.1 UNIMAS tidak akan menzahirkan apa-apa data peribadi tanpa persetujuan dan kebenaran subjek data.
- 6.2 UNIMAS akan mendapatkan persetujuan dan kebenaran subjek data dalam keadaan-keadaan seperti berikut –
- (a) sebelum menzahirkan data peribadi selain tujuan asal data peribadi tersebut dizahirkan pada masa pengumpulannya atau apa-apa tujuan lain berkaitan yang tidak disenaraikan dalam Notis Polisi Privasi UNIMAS; atau
 - (b) sebelum menzahirkan data peribadi kepada pihak ketiga yang tidak disenaraikan dalam Notis Polisi Privasi UNIMAS.
- 6.3 Data peribadi hanya didedahkan kepada pihak ketiga, sekiranya –

- (a) subjek data telah dimaklumkan melalui pemberitahuan mengenai penzahiran data peribadi mereka;
- (b) diperlukan untuk tujuan undang-undang seperti mencegah atau mengesan jenayah bagi mematuhi keperluan perintah mahkamah;
- (c) wujud alasan munasabah bahawa penzahiran diperlukan untuk mencegah atau mengurangkan ancaman kepada nyawa atau kesihatan;
- (d) Menteri memutuskan bahawa penzahiran tersebut dibenarkan untuk kepentingan awam; atau
- (e) diperlukan bagi pematuhan peruntukan di bawah Perkara 4: Maklumat Am dalam polisi ini.

7. PERLINDUNGAN DAN KESELAMATAN

- 7.1 UNIMAS akan mengambil langkah yang praktikal dan memastikan bahawa data peribadi dilindungi kerahsiaan dan keselamatan dengan sewajarnya daripada kerugian, kehilangan, akses tanpa kebenaran, penyalahgunaan, pengubahsuaian dan pendedahan atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan, melalui pematuhan kepada polisi ini dan Dasar Keselamatan ICT UNIMAS dengan mengambil kira –
 - (a) sifat data peribadi itu dan kemudaratannya akibat daripada kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan itu;
 - (b) tempat atau lokasi di mana data peribadi itu disimpan;
 - (c) apa-apa langkah keselamatan yang digabungkan ke dalam apa-apa kelengkapan yang dalamnya data peribadi itu disimpan;
 - (d) langkah yang diambil untuk memastikan kebolehpercayaan, integriti dan kewibawaan personel yang mempunyai akses kepada data peribadi itu; dan
 - (e) langkah yang diambil bagi memastikan pemindahan selamat data peribadi itu.
- 7.2 Sekiranya pemproses data (cth: pembekal) memproses data peribadi bagi pihak Universiti, UNIMAS akan memastikan bahawa pemproses data akan –
 - (a) memberi jaminan sewajarnya bahawa langkah-langkah keselamatan yang berkuat kuasa dilaksanakan ketika memproses data; dan
 - (b) mengambil langkah yang sewajarnya dalam memastikan langkah-langkah tersebut dipatuhi sepenuhnya.

8. PENYIMPANAN

- 8.1 UNIMAS akan mengambil langkah yang sewajarnya dalam memastikan bahawa semua data peribadi dimusnah atau dihapuskan sepenuhnya setelah tidak lagi diperlukan bagi tujuan asalnya diproses.
- 8.2 Menjadi kewajipan UNIMAS untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa segala data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika data peribadi itu tidak lagi dikehendaki bagi maksud yang baginya data peribadi itu hendak diproses.
- 8.3 UNIMAS akan memastikan bahawa semua data peribadi disimpan dalam tempoh tidak kurang daripada **LIMA (5)** tahun, atau tertakluk kepada ketetapan oleh pihak Pengurusan Universiti.

9. INTEGRITI DATA

UNIMAS menyediakan mekanisme secara bertulis untuk membenarkan subjek data memohon bagi mengemaskini dan membetulkan data peribadi dalam memastikan data peribadi yang diproses oleh UNIMAS adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini termasuk apa-apa maksud yang berhubungan secara langsung, yang baginya data peribadi itu dikumpulkan dan diproses selanjutnya. Ini adalah termasuk data peribadi yang diproses oleh UNIMAS melalui pihak ketiga.

10. AKSES

- 10.1 Subjek data boleh memohon dan diberikan akses kepada data peribadinya dan meminta dilaksanakan pembetulan jika data peribadinya tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini kecuali –
 - (a) memberi akses akan menimbulkan ancaman serius kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan mana-mana individu, atau kesihatan awam atau keselamatan awam;
 - (b) memberi akses akan menimbulkan kemudaratuan terhadap privasi individu lain;
 - (c) justifikasi permohonan untuk akses adalah remeh;
 - (d) maklumat mempunyai kaitan dengan prosiding undang-undang di antara UNIMAS dan subjek data, dan tidak boleh dizahirkan bagi tujuan prosiding itu;
 - (e) memberi akses akan menzahirkan niat UNIMAS berhubung rundingan dengan individu di mana ia boleh menjelaskan rundingan tersebut;
 - (f) pemberian akses akan menyalahi undang-undang;
 - (g) penafian akses adalah diperlu atau dibenarkan oleh atau di bawah undang-undang Malaysia atau perintah mahkamah/tribunal;
 - (h) UNIMAS mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa aktiviti yang menyalahi undang-undang, atau salah laku yang serius, yang berkaitan dengan fungsi atau aktiviti UNIMAS telah, sedang atau mungkin terlibat DAN memberi akses akan menjelaskan pengambilan tindakan yang sesuai berhubung perkara itu;
 - (i) pemberian akses mungkin akan menjelaskan satu atau lebih aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh, atau bagi pihak sebuah badan penguatkuasa; atau
 - (j) pemberian akses akan menzahirkan maklumat penilaian UNIMAS berkaitan dengan keputusan yang sensitif.
- 10.2 UNIMAS akan memproses permohonan akses data dalam tempoh **DUA PULUH SATU (21)** hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan dan memberikan justifikasi bertulis sekiranya permohonan masih belum dapat atau belum selesai diproses dalam tempoh itu.
- 10.3 Jika pemprosesan data itu memerlukan masa lebih daripada tempoh yang ditetapkan pada Perkara 10.2, maka UNIMAS mempunyai tempoh masa tambahan selama **EMPAT BELAS (14)** hari bekerja sahaja untuk memproses permohonan akses.
- 10.4 UNIMAS akan memastikan semua maklumat yang berkaitan dengan akses data adalah seperti dinyatakan dalam Notis Polisi Privasi UNIMAS, termasuk butiran peribadi yang memohon akses.
- 10.5 UNIMAS berhak untuk membuat pengesahan identiti subjek data bagi permohonan akses atau kemas kini data melalui dokumen pengenalan rasmi seperti lesen memandu, passport atau kad pengenalan.

11. KEENGGANAN DALAM MEMATUHI PERMINTAAN MENGAKSES

11.1 UNIMAS boleh dalam keadaan tertentu menyatakan keengganannya dalam mematuhi permintaan mengakses data. Antara keadaan yang membolehkan permintaan itu ditolak adalah –

- (a) UNIMAS tidak diberi apa-apa maklumat yang dikehendaki dengan munasabah oleh pemohon:-
 - i. untuk memuaskan hatinya tentang identiti peminta itu; atau
 - ii. jika peminta itu menuntut bahawa dia ialah seorang yang berkaitan, untuk memuaskan hatinya tentang identiti subjek data yang berhubungan dengannya dan bahawa peminta itu ialah orang yang berkaitan berhubungan dengan subjek data itu;
- (b) UNIMAS tidak diberi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabah oleh pemohon berhubung dengan permintaan untuk mengakses data;
- (c) beban atau perbelanjaan untuk memberikan akses tidak setimpal dengan risiko kepada privasi subjek data itu berhubungan dengan data peribadi dalam hal yang berkenaan;
- (d) UNIMAS tidak dapat mematuhi permintaan mengakses data tanpa menzahirkan data peribadi yang berhubungan dengan individu lain yang dapat dikenal pasti daripada maklumat itu, melainkan jika—
 - i. individu lain itu telah memberikan persetujuan terhadap penzahiran maklumat itu kepada peminta; atau
 - ii. adalah munasabah dalam segala hal keadaan itu untuk mematuhi permintaan mengakses data itu tanpa persetujuan individu lain itu;
- (e) wujud pengguna-pengguna data lain yang mengawal pemprosesan data peribadi yang dengannya permintaan mengakses data itu adalah berhubungan dengan apa-apa cara yang melarang pengguna data yang mula-mula disebut itu daripada mematuhi, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan permintaan mengakses data itu;
- (f) memberikan akses akan menjadi pelanggaran suatu perintah mahkamah;
- (g) memberikan akses akan menzahirkan maklumat komersial yang sulit; atau
- (h) apa-apa akses kepada data peribadi itu dikawal selia oleh undang-undang lain.

11.2 Dalam menentukan maksud kemunasabahan dalam segala hal keadaan untuk mematuhi permintaan mengakses data tanpa persetujuan individu lain, UNIMAS akan menggunakan ujian yang mengambil kira perkara-perkara berikut, iaitu-

- (a) apa-apa kewajipan kerahsiaan kepada individu lain itu;
- (b) apa-apa langkah yang diambil oleh pengguna data dengan tujuan untuk mendapatkan persetujuan individu lain itu;
- (c) sama ada individu lain itu berupaya memberikan persetujuan; dan
- (d) apa-apa keengganannya untuk memberikan persetujuan oleh individu lain itu.

12. KAEADAH PENYAMPAIAN ATAU PEMBERITAHUAN KEENGGANAN MEMATUHI PERMINTAAN AKSES

Jika UNIMAS enggan mematuhi permintaan mengakses data itu, maka UNIMAS hendaklah tidak lewat daripada **DUA PULUH SATU (21)** hari dari tarikh penerimaan permintaan mengakses data itu, melalui notis bertulis, memaklumkan kepada pemohon itu mengenai keengganannya itu dan sebab-sebab bagi keengganannya itu.

13. PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN UNTUK MEMPROSES DATA PERIBADI

- 13.1 Seseorang subjek data boleh melalui notis bertulis kepada UNIMAS untuk menarik balik persetujuannya terhadap pemprosesan data peribadinya yang berkenaan dengan dirinya.
- 13.2 UNIMAS hendaklah apabila menerima notis penarikan balik itu dengan serta merta berhenti memproses data peribadi itu.
- 13.3 WALAU BAGAIMANAPUN, kegagalan subjek data untuk menggunakan haknya untuk menarik balik persetujuan pemprosesan data tidak akan menjelaskan hak-haknya yang lain di bawah Polisi ini.

14. PEMPROSESAN DATA PERIBADI SENSITIF

- 14.1 UNIMAS tidak boleh memproses apa-apa data peribadi sensitif seorang subjek data kecuali mengikut syarat yang berikut –
 - (a) subjek data telah memberikan persetujuannya secara nyata bagi pemprosesan data peribadi itu;
 - (b) pemprosesan itu perlu—
 - i. bagi maksud menjalankan atau melaksanakan apa-apa hak atau obligasi yang diberikan atau dikenakan oleh undang-undang terhadap pengguna data yang berkaitan dengan pengambilan kerja;
 - ii. untuk melindungi kepentingan vital subjek data atau orang lain, dalam hal jika—
 - persetujuan tidak dapat diberikan oleh atau bagi pihak subjek data itu; atau
 - pengguna data tidak boleh semunasabahnya dijangka untuk mendapat persetujuan subjek data itu;
 - iii. untuk melindungi kepentingan vital orang lain, dalam hal jika persetujuan oleh atau bagi pihak subjek data telah tidak diberikan dengan semunasabahnya;
 - iv. bagi maksud perubatan dan dilakukan oleh—
 - seorang profesional jagaan kesihatan; atau
 - seseorang yang dalam hal keadaan itu mempunyai kewajipan kerahsiaan yang bersamaan dengan kewajipan kerahsiaan yang akan berbangkit jika orang itu merupakan seorang profesional jagaan kesihatan;
 - v. bagi maksud, atau yang berkaitan dengan, apa-apa prosiding undang-undang;
 - vi. bagi maksud mendapatkan nasihat undang-undang;
 - vii. bagi maksud membuktikan, menjalankan atau mempertahankan hak di sisi undang-undang;
 - viii. bagi pentadbiran keadilan;
 - ix. bagi menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
 - x. bagi apa-apa maksud lain yang difikirkan patut oleh Menteri; atau
 - (c) Maklumat yang terkandung dalam data peribadi itu telah diumumkan kepada orang awam akibat langkah yang diambil dengan sengaja oleh subjek data.

- 14.2 Bagi maksud Perkara 14 ini;

- (a) “**maksud perubatan**” termasuk maksud perubatan pencegahan, diagnosis perubatan, penyelidikan perubatan, pemulihan dan penyediaan jagaan dan rawatan dan pengurusan perkhidmatan jagaan kesihatan;
- (b) “**perkhidmatan jagaan kesihatan**” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];
- (c) “**profesional jagaan kesihatan**” erti pengamal perubatan, pengamal pergigian, ahli farmasi, ahli psikologi klinikal, jururawat, bidan, pembantu perubatan, ahli fisioterapi,

ahli terapi pekerjaan dan profesional jagaan kesihatan berkaitan yang lain dan mana-mana orang lain yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan perubatan, kesihatan, pergigian, farmaseutikal dan apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan lain yang di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

15. PENGUMPULAN DATA PERIBADI SECARA BERULANG DALAM HAL KEADAAN YANG SAMA

15.1 Jika UNIMAS —

- (a) telah mematuhi peruntukan peruntukan pada Perkara 5: Notis Polisi Privasi dan Pilihan dalam Polisi ini berkenaan dengan pengumpulan data peribadi daripada subjek data, disebut “pengumpulan yang pertama”; dan
 - (b) pada bila-bila masa kemudiannya mengumpulkan sekali lagi data peribadi daripada subjek data itu, disebut “pengumpulan yang berikutnya”, UNIMAS tidak dikehendaki untuk mematuhi peruntukan DI BAWAH Perkara 5 itu lagi untuk pengumpulan data yang berikutnya jika—
 - i. untuk mematuhi peruntukan itu berkenaan dengan pengumpulan yang berikutnya akan menyebabkan pengulangan, dalam hal keadaan yang sama, apa yang telah dilakukan untuk mematuhi notis dan pilihan itu berkenaan dengan pengumpulan yang pertama; dan
 - ii. tidak lebih daripada **DUA BELAS (12)** bulan telah berlalu antara pengumpulan yang pertama dengan pengumpulan yang berikutnya.
- 15.2 Bagi mengelakkan keraguan, dengan ini diisyiharkan bahawa Perkara 15.1 di atas tidak boleh berkuat kuasa untuk menghalang pengumpulan yang berikutnya menjadi pengumpulan yang pertama jika pengguna data yang berkenaan telah mematuhi peruntukan di bawah Notis Polisi Privasi UNIMAS dan Pilihan berkenaan dengan pengumpulan yang berikutnya.

16. HAK UNTUK MENGHALANG PEMPROSESAN YANG MUNGKIN MENYEBABKAN KEROSAKAN ATAU DISTRES

16.1 Seseorang subjek data boleh, pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada UNIMAS, disebut “notis subjek data”, menghendaki UNIMAS pada penghujung apa-apa tempoh yang munasabah dalam hal keadaan itu, untuk –

- (a) memberhentikan pemprosesan atau pemprosesan bagi suatu maksud yang tertentu atau mengikut cara yang tertentu; atau
- (b) tidak memulakan sebarang pemprosesan atau pemprosesan bagi suatu maksud yang tertentu atau mengikut cara yang tertentu, apa-apa data peribadi yang berkenaan dengannya dia merupakan subjek data jika, berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan olehnya –
 - i. pemprosesan data peribadi itu atau pemprosesan data peribadi bagi maksud itu atau mengikut cara itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan yang substansial atau distres yang substansial kepadanya atau kepada diri orang lain; dan
 - ii. kerosakan atau distres itu adalah atau akan menjadi tidak wajar.

16.2 Terdapat beberapa kekecualian di mana pemprosesan ini akan diteruskan tanpa halangan, iaitu –

- (a) subjek data itu telah memberikan persetujuannya;
- (b) pemprosesan data peribadi itu perlu—

- i. bagi melaksanakan suatu kontrak yang mengeninya subjek data itu merupakan suatu pihak;
 - ii. bagi mengambil langkah, atas permintaan subjek data, dengan tujuan untuk membuat suatu kontrak;
 - iii. bagi mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang mengeninya pengguna data itu merupakan subjek, selain suatu obligasi yang dikenakan oleh kontrak; atau
 - iv. untuk melindungi kepentingan vital subjek data itu; atau
- (c) dalam apa-apa hal lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.
- 16.3 UNIMAS sebagai pengguna data hendaklah, dalam tempoh **DUA PULUH SATU (21)** hari dari tarikh penerimaan notis subjek data itu, memberi subjek data suatu notis bertulis –
- (a) menyatakan bahawa UNIMAS telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhi notis subjek data itu; atau
 - (b) menyatakan sebab-sebab UNIMAS menganggap notis subjek data itu sebagai tidak berjustifikasi, atau ke apa-apa takat tidak berjustifikasi, dan takat, jika ada, yang mana UNIMAS telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhi notis subjek data itu.
- 16.4 Jika subjek data itu tidak berpuas hati oleh sebab UNIMAS tidak mematuhi notis subjek data, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, maka subjek data itu boleh mengemukakan suatu permohonan rayuan untuk UNIMAS mematuhi notis subjek data itu dengan justifikasi yang munasabah.
- 16.5 Jika UNIMAS berpuas hati bahawa permohonan rayuan subjek data itu berjustifikasi atau berjustifikasi ke apa-apa takat, UNIMAS boleh mengambil apa-apa langkah bagi mematuhi notis subjek data itu.

17. PENGECUALIAN

- 17.1 Pemprosesan data peribadi oleh UNIMAS **TIDAK AKAN** melibatkan hal ehwal peribadi, keluarga atau rumah tangga subjek data atau seseorang individu itu, termasuk bagi maksud rekreasi.
- 17.2 Beberapa jenis data peribadi turut mendapat pengecualian daripada diproses iaitu bagi –
- (a) data peribadi yang melibatkan pencegahan atau pengesanan jenayah atau bagi maksud penyiasatan, penangkapan atau pendakwaan pesalah; atau pentaksiran atau pemungutan apa-apa cukai atau duti atau apa-apa pengenaan lain yang serupa jenisnya akan **DIKECUALIKAN** daripada Prinsip Am, Prinsip Notis Privasi UNIMAS dan Pilihan, Prinsip Penzahiran dan Prinsip Akses dan peruntukan lain dalam Polisi ini yang berkaitan;
 - (b) data peribadi yang diproses berhubung dengan maklumat mengenai kesihatan fizikal atau mental seorang subjek data hendaklah **DIKECUALIKAN** daripada Prinsip Akses dan peruntukan lain dalam Polisi ini yang berkaitan yang pemakaian peruntukan itu kepada subjek data mungkin akan menyebabkan kemudaratan yang teruk kepada kesihatan fizikal atau mental subjek data itu atau mana-mana individu lain;
 - (c) data peribadi yang diproses bagi menyediakan statistik atau menjalankan penyelidikan hendaklah **DIKECUALIKAN** daripada Prinsip Am, Prinsip Notis Privasi UNIMAS dan Pilihan, Prinsip Penzahiran dan Prinsip Akses dan peruntukan lain dalam Polisi ini yang berkaitan, dengan syarat bahawa data peribadi itu tidak diproses bagi apa-apa maksud lain dan bahawa statistik yang terhasil atau dapatkan penyelidikan itu tidak dijadikan tersedia dalam suatu bentuk yang mengenal pasti subjek data itu;

- (d) data peribadi yang perlu bagi maksud atau yang berkaitan dengan apa-apa perintah atau penghakiman suatu mahkamah hendaklah **DIKECUALIKAN** daripada Prinsip Am, Prinsip Notis Privasi UNIMAS dan Pilihan, Prinsip Penzahiran dan Prinsip Akses dan peruntukan lain dalam Polisi ini yang berkaitan;
- (e) data peribadi yang diproses bagi maksud menunaikan fungsi pengawalseliaan hendaklah **DIKECUALIKAN** daripada Prinsip Am, Prinsip Notis Privasi UNIMAS dan Pilihan, Prinsip Penzahiran dan Prinsip Akses dan peruntukan lain dalam Polisi ini yang berkaitan, jika pemakaian peruntukan itu kepada data peribadi mungkin akan menjelaskan penunaian fungsi itu dengan sepatutnya; atau
- (f) data peribadi yang diproses hanya bagi maksud kewartawanan, kesusasteraan atau kesenian hendaklah **DIKECUALIKAN** daripada Prinsip Am, Prinsip Notis Privasi UNIMAS dan Pilihan, Prinsip Penzahiran, Prinsip Penyimpanan, Prinsip Integriti Data dan Prinsip Akses dan peruntukan lain dalam Polisi ini yang berkaitan, dengan syarat bahawa –
 - i. pemprosesan itu dijalankan dengan tujuan penyiaran bahan kewartawanan, kesusasteraan atau kesenian itu oleh mana-mana orang;
 - ii. UNIMAS mempercayai dengan semunasabahnya bahawa, dengan mengambil kira betapa mustahaknya kepentingan awam dalam kebebasan bersuara, penyiaran itu berkepentingan awam; dan
 - iii. UNIMAS mempercayai dengan semunasabahnya bahawa dalam segala hal keadaan itu, pematuhan peruntukan yang berkenaan dengannya pengecualian dituntut adalah tidak bersesuaian dengan maksud kewartawanan, kesusasteraan atau kesenian itu.

18. SEMAKAN DAN PINDAAN

Polisi Perlindungan Data Peribadi UNIMAS ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Pekeliling, Surat Pekeliling, Peraturan atau Undang-Undang Malaysia yang berkuat kuasa dan apabila difikirkan perlu berbuat demikian bagi menjamin dan menjaga keselamatan data peribadi warga UNIMAS.



NOTIS POLISI PRIVASI

Universiti Malaysia Sarawak (selepas ini dirujuk sebagai UNIMAS atau "kami") komited dalam melindungi dan menjaga kepentingan data peribadi pengguna. Polisi Privasi UNIMAS ini digubal selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), Malaysia yang menerangkan dasar dan amalan yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi dan menetapkan prinsip yang akan digunakan untuk melindungi pemprosesan data peribadi pelajar semasa, masa lalu, calon atau mobiliti, kakitangan, pelawat, pemohon, penderma dan kontraktor/pembekal di UNIMAS (selepas ini akan disebut sebagai "anda") kepada perkhidmatan UNIMAS atau orang lain yang mana data peribadinya boleh dikumpulkan bersama dengan data orang yang disebut terdahulu.

Notis Polisi Privasi ini menerangkan:

- (i) Data peribadi yang diproses;
- (ii) Tujuan pemgumpulan dan pengendalian data peribadi anda;
- (iii) Penzahiran data peribadi anda;
- (iv) Penyimpanan data peribadi anda;
- (v) Akses dan pengemaskinian data peribadi anda;
- (vi) Kebenaran penzahiran data peribadi; dan
- (vii) Aduan

Polisi Privasi ini boleh dipinda dari masa ke semasa tanpa sebarang notis dan anda akan dimaklumkan berkenaan pindaan tersebut melalui laman web atau e-mel kami.

1. DATA PERIBADI YANG DIPROSES

1.1 **Data Peribadi** merujuk kepada apa-apa maklumat yang boleh secara langsung atau tidak langsung diri anda dikenalpasti di mana maklumat tersebut diberikan kepada UNIMAS untuk tujuan tertentu. Ia adalah termasuk –

- (a) Nama dan alamat;
- (b) Nombor kad pengenalan atau nombor pasport;
- (c) Butiran penama;
- (d) Tarikh dan tempat kelahiran;
- (e) Jantina;
- (f) Orang yang boleh dihubungi ketika kecemasan;
- (g) Bangsa;
- (h) Agama;
- (i) Butiran perubatan;
- (j) Keputusan peperiksaan;

- (k) Rekod akademik;
 - (l) Rekod pendidikan;
 - (m) Rekod pekerjaan;
 - (n) Maklumat dalam format audio dan/atau video (termasuk rakaman suara, rakaman video), televisyen litar tertutup ("CCTV") dan rakaman keselamatan; atau
 - (o) Imej (termasuk gambar).
- 1.2 Dalam sesetengah keadaan, sebarang data peribadi individu lain yang diberikan oleh anda (contoh: apabila anda memberikan data peribadi pengadil untuk mengesahkan rekod pekerjaan di syarikat anda yang lalu), anda bersetuju bahawa anda telah memaklumkan pihak tersebut mengenai Notis Polisi Privasi ini dan telah mendapat persetujuan mereka sebelum data peribadi mereka didedahkan.
- 1.3 Dalam keadaan, jika anda mengambil kursus atau program UNIMAS melalui pihak ketiga, seperti rakan kongsi atau rakan usaha sama UNIMAS, pembekal perkhidmatan atau pembekal pendidikan yang lain, data peribadi anda juga boleh diproses dan digunakan oleh pihak ketiga tersebut berlandaskan polisi privasi pihak ketiga tersebut.
- 1.4 **Data peribadi yang sensitif** merujuk kepada pendapat politik, pelakuan kesalahan, status kesihatan fizikal atau mental. **Kami tidak mengumpul data peribadi yang sensitif daripada anda kecuali –**
- (a) anda telah bersetuju bahawa maklumat tersebut boleh diproses, dan hanya jika maklumat itu diperlukan kerana ia secara langsung berkaitan dengan, satu atau lebih fungsi atau aktiviti UNIMAS;
 - (b) Maklumat yang diproses adalah diperlu atau dibenarkan oleh atau di bawah undang-undang Malaysia atau perintah mahkamah/tribunal;
 - (c) Maklumat tersebut diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada anda; atau
 - (d) Maklumat tersebut diperlukan untuk memproses kontrak anda.

1.5 Sumber Data Peribadi

Dalam menyediakan perkhidmatan yang berkaitan, UNIMAS akan mendapatkan data peribadi dari pelbagai sumber, seperti –

- (a) **Individu**
 - i. Dari permohonan anda yang dikemukakan kepada kami. Sebarang permohonan yang dikemukakan kepada kami, anda adalah dengan ini dianggap telah memperakankan pengisytiharan maklumat dalam permohonan anda.
 - ii. Rakaman imej atau audio anda. Contoh: CCTV bagi tujuan keselamatan dan/atau perekodan. Notis akan dipaparkan bagi tujuan makluman.
- (b) **Pihak Ketiga**
 - i. Rakan kerjasama UNIMAS dalam pertandingan atau pemerhatian atau penyelidikan atau program.
 - ii. Penyertaan anda dengan entiti lain.
 - iii. Penjaga, wakil sah atau penjamin anda.
 - iv. Rujukan silang data peribadi anda untuk permohonan pinjaman atau rekod kredit.
 - v. Institusi pendidikan atau majikan terdahulu.

(c) Laman Web

- i. Alamat IP anda secara automatik akan dilog masuk ke pelayar kami. Secara umumnya, kami tidak menghubung kaitkan alamat IP anda untuk mengenal pasti setiap pautan melainkan jika terdapat sebarang pelanggaran undang-undang.
- ii. Anda boleh memilih untuk tidak mengaktifkan '*cookies*' bagi mencegah penyimpanan maklumat tertentu dalam sistem anda.

2. TUJUAN PENGUMPULAN DATA DAN PENGENDALIAN DATA PERIBADI ANDA

Dalam memenuhi tanggungjawab kami ke atas anda, data peribadi anda dikumpulkan dan diproses oleh UNIMAS seperti yang diperlu atau dibenarkan oleh undang-undang bagi pelbagai tujuan akademik, pendidikan dan pentadbiran, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) penilaian sebarang permohonan kepada UNIMAS;
- (b) pemprosesan apa-apa manfaat dan perkhidmatan;
- (c) penyampaian maklumat;
- (d) pengiklanan dan berita;
- (e) pentadbiran am dan rekod;
- (f) meningkatkan kualiti pendidikan;
- (g) tujuan akademik yang berkaitan dengan UNIMAS;
- (h) memberi maklum balas terhadap aduan dan pertanyaan;
- (i) menjalankan penyelidikan universiti;
- (j) tadbir urus korporat; atau
- (k) untuk pertimbangan sebagai penjamin bagi kakitangan/pelajar UNIMAS yang memohon pinjaman pengajian/biasiswa/geran.

3. PENZAHIRAN DATA PERIBADI

- 3.1 UNIMAS adalah di bawah obligasi undang-undang untuk menjamin dan melindungi maklumat sulit termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi sebelum dan selepas Akta, dan ia merupakan dasar kami untuk terus berbuat demikian.
- 3.2 Dalam menyediakan perkhidmatan berterusan yang efektif, penzahiran tertentu perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, data peribadi anda boleh dipindah dan/atau dizahirkan kepada pihak ketiga dan/atau rakan usaha sama UNIMAS termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen luar yang dilantik bagi memenuhi kewajipan kami kepada anda berkenaan dengan tujuan di atas dan semua tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan di atas serta termasuk dalam menyediakan perkhidmatan yang bersepada, penyelenggaraan dan penyimpanan rekod.
- 3.3 Dalam melindungi kebijakan anda dan/atau menyediakan perkhidmatan kami, menyalur dan berkongsi maklumat peribadi kepada pihak ketiga adalah penting, termasuk tetapi tidak terhad kepada –
 - (a) syarikat insurans untuk memproses tuntutan insurans;
 - (b) institusi kewangan untuk pembayaran ganjaran kewangan seperti biasiswa, pinjaman, elauan, geran dan gaji;
 - (c) mana-mana entiti/afiliasi UNIMAS untuk mana-mana pinjaman/biasiswa atau pengiktirafan dan aktiviti pendidikan;
 - (d) jabatan kerajaan, akreditasi dan badan profesional;
 - (e) pihak ketiga yang telah diberi kebenaran oleh anda;
 - (f) penjaga atau wakil undang-undang atau penjamin anda; atau
 - (g) penguatkuasa undang-undang dan agensi kerajaan oleh atau mana-mana perintah mahkamah bagi memenuhi arahan pihak berkuasa.

3.4 Data anda boleh dikongsi apabila diperlukan oleh undang-undang serta untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan.

3.5 Penzahiran Ke Luar Negara

3.5.1 Sebelum UNIMAS menzahirkan data peribadi anda kepada pihak yang:

- tidak berada dalam Malaysia atau Wilayah luaran; dan
- tidak berada dalam rangkaian kerjasama universiti atau individu dari UNIMAS

UNIMAS akan mengambil langkah-langkah munasabah dalam memastikan bahawa penerima luar negara ini juga mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi atau Akta yang serupa di negara mereka berhubung dengan data peribadi.

3.5.2 Bagi pelajar dalam kursus penyelidikan di mana penyelia atau pemeriksa adalah di negara selain Malaysia, data peribadi anda yang terhad bagi tujuan yang dibenarkan sahaja boleh dihantar secara elektronik atau lain-lain kaedah yang bersesuaian kepada pihak di negara tersebut.

3.5.3 Sesetengah sistem IT UNIMAS menggunakan kaedah *cloud computing services* dan dihoskan di negara selain Malaysia. Bergantung kepada perkhidmatan yang diakses, UNIMAS akan mengambil langkah-langkah munasabah dalam memastikan Akta berkaitan dipatuhi.

4. PENYIMPANAN DATA PERIBADI ANDA

Maklumat peribadi anda akan disimpan oleh UNIMAS untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan dalam Perkara 2 Notis ini, dan seperti yang diperlukan oleh undang-undang berkaitan dan akan dimusnahkan dan/atau dipadam selari dengan Dasar Keselamatan ICT UNIMAS sekiranya maklumat tersebut tidak diperlukan lagi.

Penggunaan *Cookies*

Cookies adalah sejumlah kecil maklumat yang dipindahkan ke komputer anda melalui pelayar laman web anda. Butiran peribadi anda tidak boleh dikenalpasti atau dikesan melalui pelayar laman web. Sebaliknya, melalui *cookies* pada pelayar laman web, kami boleh memberikan anda perkhidmatan yang lebih khusus iaitu berdasarkan pengalaman dan pilihan anda dalam memperoleh maklumat dan perkhidmatan ketika melayari laman web kami. Penggunaan *Cookies* juga memudahkan anda untuk log masuk dan melayari laman web kami pada masa akan datang.

Kebanyakan pelayar laman web memberi amaran kepada anda sebelum menerima *cookies* serta proses menapis atau meyahaktifkannya. Sekiranya anda tidak menerima atau telah menyahaktifkan *cookies*, anda mungkin tidak dapat menggunakan beberapa fungsi tertentu dalam laman web kami.

5. AKSES DAN KEMASKINI DATA PERIBADI

5.1 Anda boleh menghubungi kami terus mengenai data peribadi anda untuk sebab-sebab berikut:

- (a) memastikan data peribadi adalah tepat dan terkini;
- (b) mengakses data peribadi;
- (c) meminda, mengemaskini atau membetulkan data peribadi; atau
- (d) menarik diri atau berhenti melanggan perkhidmatan.

Bil.	Perkara	Pejabat Boleh Dihubungi	E-mel
1.	Staf	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	bpsm@unimas.my
2.	Pelajar (Pra-Universiti)	Pusat Pengajian Pra-Universiti	pppu@unimas.my
3.	Pelajar (Prasiswazah)	Bahagian Pengajian Prasiswazah	adminbpps@unimas.my
4.	Pelajar (Siswazah)	Pusat Pengajian Siswazah	cgs_general@unimas.my
5.	Kontraktor / Pembekal	Pejabat Bendahari	penolongbendahari@unimas.my
6.	Pelawat	UNIMAS Global	corporate@unimas.my

5.2 Di bawah polisi ini, UNIMAS berhak untuk tidak memberikan anda akses kepada data peribadi anda, jika UNIMAS dengan semunasabahnya percaya bahawa:

- (a) memberi akses akan menimbulkan ancaman serius kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan mana-mana individu, atau kesihatan awam atau keselamatan awam;
- (b) memberi akses akan menimbulkan kemudaratuan terhadap privasi individu lain;
- (c) justifikasi permohonan untuk akses adalah remeh;
- (d) maklumat mempunyai kaitan dengan prosiding undang-undang di antara UNIMAS dan subjek data, dan tidak boleh dizahirkan bagi tujuan prosiding itu;
- (e) memberi akses akan menzahirkan niat UNIMAS berhubung rundingan dengan individu di mana ia boleh menjelaskan rundingan tersebut;
- (f) pemberian akses akan menyalahi undang-undang;
- (g) penafian akses adalah diperlu atau dibenarkan oleh atau di bawah undang-undang Malaysia atau perintah mahkamah/tribunal;
- (h) UNIMAS mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa aktiviti yang menyalahi undang-undang, atau salah laku yang serius, yang berkaitan dengan fungsi atau aktiviti UNIMAS telah, sedang atau mungkin terlibat DAN memberi akses akan menjelaskan pengambilan tindakan yang sesuai berhubung perkara itu;
- (i) pemberian akses mungkin akan menjelaskan satu atau lebih aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh, atau bagi pihak sebuah badan penguatkuasa; atau
- (j) pemberian akses akan menzahirkan maklumat penilaian UNIMAS berkaitan dengan keputusan yang sensitif.

6. KEBENARAN PENZAHIRAN DATA PERIBADI

Dengan menyerahkan atau menyediakan data peribadi anda kepada UNIMAS, anda telah bersetuju bahawa data peribadi anda akan digunakan mengikut terma dan syarat polisi ini dan dasar lain yang berkaitan.

6.1 Penarikan Balik Kebenaran

- (a) Anda boleh menarik balik kebenaran pada bila-bila masa dengan menulis kepada kami. Maklumat lanjut akan dimohon bagi tujuan pengesahan jika perlu.

Bahagian Dasar dan Integriti
Universiti Malaysia Sarawak.
94300 Kota Samarahan
Sarawak
E-mel: bdi@unimas.my

- (b) Sekiranya anda tidak memberi kebenaran atau menarik balik kebenaran terhadap pemprosesan dan pendedahan data peribadi anda, UNIMAS tidak akan dapat memenuhi kewajipan atau menghubungi anda atau memberi ganjaran kepada anda berkenaan dengan tujuan dan/atau tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan dalam (2).

6.2 Penggunaan Polisi ini

Sekiranya anda adalah pelanggan perkhidmatan UNIMAS terdahulu, dimaklumkan bahawa UNIMAS akan terus memproses data peribadi anda seperti yang telah disebutkan dalam polisi privasi ini kecuali jika kami menerima bantahan. Anda boleh melaksanakan hak-hak anda berkaitan dengan data peribadi anda seperti yang telah disebutkan di atas.

Polisi privasi ini boleh dipinda pada bila-bila masa dan akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh UNIMAS. Sebarang pindaan akan dinyatakan dalam laman web UNIMAS atau apa-apa bentuk lain yang difikirkan sesuai oleh UNIMAS. Langganan dan/atau penggunaan berterusan perkhidmatan kami dan/atau perkhidmatan IT UNIMAS adalah merupakan kelulusan anda terhadap pindaan tersebut.

6.3 Pautan Luar

Laman web/aplikasi kami mempunyai pautan ke laman web/aplikasi luaran. Polisi privasi ini terpakai untuk laman web/aplikasi UNIMAS sahaja. Laman web/aplikasi luaran dalam pautan ini mungkin mempunyai polisi privasi yang berlainan dan pengunjung dinasihatkan untuk memahami polisi privasi untuk setiap laman web/aplikasi yang diakses.

7. ADUAN

Sekiranya berlaku sebarang insiden pelanggaran Polisi Privasi UNIMAS, anda boleh membuat aduan bertulis dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh insiden kepada:

Bahagian Dasar dan Integriti
Universiti Malaysia Sarawak.
94300 Kota Samarahan
Sarawak
E-mel: bdi@unimas.my